


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Penyertaan Vietnam, Myanmar dibincang

Berita Harian, 16 January 1993, Page 12

 Article also available on Microfilm Reel NL19352

Printer-Friendly Page

Penyertaan Vietnam, Myanmar dibincang

SILAT SUKAN SEA Oleh

 Scroll to Top

PENYERTAAN Vietnam dan Myanmar dalam silat olahraga Sukan SEA yang akan datang akan ditentukan dalam satu mesyuarat Sekretariat Badan Pengasas Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) mulai semalam hingga esok di Rumah Persekutuan Silat Singapura (Perisil), Kampong Eunos.

ZAINAL JAMARI

Mesyuarat yang dihadiri oleh para wakil dari badan-badan silat kebangsaan Singapura, Malaysia, Brunei dan Indonesia itu juga akan membincangkan persiapan teknikal untuk acara silat dalam Sukan SEA yang dijadualkan berlangsung di Singapura pada Jun ini.

Dalam hubungan ini, Persilat dijangka menemui Setiausaha Agung Majlis

Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), S.S. Dhillon, untuk membincangkan perkara-perkara teknikal itu.

Persilat juga akan menyerahkan nama para pegawainya yang akan mengelolakan acara itu dalam Sukan SEA.

Menurut Setiausaha Agung Persisi, Haji Sarkawai Masom, di samping kedua-dua perkara itu, mesyuarat juga membincangkan pembahagian kerja kerabat Persilat bagi Kejohanan Undangan Silat Antarabangsa yang dijadualkan pada 1994.

Brunei dan Thailand telah menawarkan menjadi tuan rumah kejohanan itu dan mesyuarat tersebut dijangka membuat keputusan.

Perkara kecompact yang dibincangkan ialah mengenai usaha menycragam dan pembakuan istilah serta bahasa

persilatan sejagat.

Persekutuan Silat Kebangsaan Brunci Darussalam (Persib) diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Awangku Haji Adinin Haji Mayalin dan setiausaha bahagian teknikal, Pangeran Haji Mohamad bin Pangeran Haji Ludin.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) pula diwakili oleh Setiausaha Agungnya, A.Rahman Hassan dan seorang pegawai bahagian teknikal, Mohd Yusof Mohd Darus.

Indonesia diwakili oleh Setiausaha Agung Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi), Rustadi Efendi, dan ketua bahagian teknikal, Arifuddin Pangka.

Setiausaha Agung Persilat, Oyong Karmayuda, hadir dalam mesyuarat tersebut.